

U PB 01-09 00192 BA989

aab

Mahathir - Sabah

SIKAP UNTUK BERBAIK PEMIMPIN PBS SABAH MASIH DIRAGUI

KUCHING, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah yang dilakukan oleh para pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk berbaik-baik semula dengan Kerajaan Persekutuan masih kekurangan unsur keikhlasan.

Perdana Menteri berkata pihaknya masih meragui niat mereka (para pemimpin PBS), sama ada benar-benar berhasrat untuk berbaik-baik.

"Saya terpaksa akui bahawa setelah kita mendapat pengalaman mengenai cara mereka bermain politik semasa pilihan raya, kita rasa ragu-ragu sama ada apabila mereka kata untuk berbaik-baik, mereka berniat untuk berbaik-baik," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini sebelum berlepas ke Labuan.

Dr Mahathir berada di sini sejak Isnin lepas bagi menghadiri perayaan Hari Kebangsaan ke-36 peringkat kebangsaan yang buat kali pertamanya dilangsungkan di negeri ini, serentak dengan sambutan 30 tahun Sarawak merdeka melalui Malaysia.

Beliau berkata, bukan rakyat Sabah yang mempunyai sikap sedemikian, tetapi para pemimpin kerajaan negeri itu.

Katanya, para pemimpin kerajaan Sabah lebih mengutamakan pendirian politik mereka dan memainkan isu-isu Sabah untuk rakyat Sabah seolah-olah Sabah di luar daripada Malaysia. -- lagi.

▼01/09/11-18MST

U PB 01-09 00157 BA990

aab

Mahathir - Sabah 2 Kuching

Perdana Menteri berkata kerajaan Sabah berpendapat kalau mereka memainkan sentimen tertentu, mereka akan menjadi popular.

Sebaliknya, Kerajaan Sarawak tidak memainkan isu-isu sentimen tetapi menonjolkan kepada kelancaran dan kecekapan pentadbiran yang mampu membangunkan negeri Sarawak dan menjadi popular hasil kecekapannya, katanya.

Mengenai saranannya supaya kerajaan-kerajaan negeri mengimbangkan antara kepentingan negeri dan kepentingan negara, Dr Mahathir berkata, ia bertujuan mengelakkan daripada terjejasnya proses pentadbiran antara kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara Persekutuan dengan membahagi-bahagikan kuasa antara kerajaan negeri dan Persekutuan, yang tidak boleh disalah guna oleh mana-mana pihak, katanya.

"Kuasa ini jika disalahgunakan akan menimbulkan percanggahan antara kerajaan negeri dan persekutuan dan akan menjejaskan proses pentadbiran dan pembangunan," katanya.

Sebab itu, apabila ada kerjasama yang rapat antara Kerajaan Pusat dan Negeri, segala urusan pentadbiran akan berjalan lebih lancar dan ini tetap menguntungkan rakyat, katanya. -- lagi.

▼01/09/11-19MST

aab

Mahathir - Sabah 3 (akhir) Kuching

"

Dr Mahathir berkata hubungan yang rapat dan baik antara kerajaan Negeri Sarawak dan Pusat membolehkan semua pihak terutama Sarawak mendapat banyak manfaatnya.

" Ini kerana semua pihak tidak membazirkan masa dan wang dengan sikap berkonfrantasi apabila Kerajaan Negeri itu tidak mengambil sikap menentang Kerajaan Pusat, katanya.

Selain itu, beliau berkata, beliau kagum dengan sikap yang ditunjukkan oleh rakyat Sarawak sebagai rakyat Malaysia.

Mengenai penubuhan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan, yang merupakan universiti penuh pertama di Sarawak atau Sabah, beliau berkata, langkah itu boleh membawa kepada pembukaan universiti penuh lain di kawasan sebelah sini.

Bagaimanapun katanya, langkah itu bergantung kepada permintaan daripada rakyat di kawasan sebelah sini untuk mendapatkan tempat di peringkat pengajian tinggi. -- Bernama

AHM NMO

▼01/09/11-24MST